

# Pupuk semangat keprihatinan di Songkhla

Berita Harian, Khamis, 30/11/2020 (Varsiti) M/s 5

**Kuala Lumpur:** Sekumpulan mahasiswa dari Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) berpeluang melaksanakan program khidmat komuniti merentas sempadan negara di Thailand, baru-baru ini.

Mereka terdiri daripada mahasiswa Fakulti Teknologi Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik (FTKKE) dan Fakulti Teknologi Kejuruteraan Mekanikal Pembuatan (FTKMP) UTeM.

Pengarah program dari Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTK) UTeM, Afiq Hamizan Syaharudin, berkata program itu menjadi lebih menarik kerana dijayakan bersama dengan kumpulan mahasiswa dari Rangkaian Universiti Teknikal Malaysia (MTUN) yang lain.

Antara universiti yang mengambil bahagian ialah Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) dan **Universiti Malaysia Pahang (UMP)**.

Katanya, antara objektif program itu untuk memupuk semangat keprihatinan dan meng-



*Mahasiswa daripada empat universiti bergabung menjalankan khidmat komuniti di kawasan perkampungan Bantaped Thepa, Songkhla, Thailand.*

hulurkan bantuan kepada komuniti antarabangsa yang memerlukan, sekali gus berbakti kepada masyarakat di kawasan perkampungan Bantaped Thepa, Songkhla, Thailand.

"Antara aktiviti yang dilakukan ialah mengecat tadika, membuat latihan dalam kumpu-

lan bersama-sama kanak-kanak dan memasak untuk penduduk setempat.

"Selain itu, kelab persatuan pelajar dari setiap universiti juga memberi sumbangan makanan harian kepada penduduk setempat, sekali gus mendedahkan mereka tentang kepelbagaian



*Antara aktiviti yang dilakukan ialah mengecat tadika, membuat latihan dalam kumpulan bersama-sama kanak-kanak dari kawasan perkampungan berkenadn.*

masyarakat peringkat global," katanya.

Beliau berkata, penganjuran program itu juga berjaya mengeratkan hubungan silaturahim antara mahasiswa MTUN sendiri, selain merapatkan lagi hubungan antara dua negara berkenaan.

Program yang berlangsung selama tiga hari dua malam itu turut memberi peluang kumpulan mahasiswa MTUN untuk mengunjungi Universiti Thaksin, Songkhla, sekali gus mengeratkan hubungan pendidikan tinggi dua hala antara Malaysia dengan Thailand.